

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 November 2015

Harapan Najib pada kepemimpinan MIC

Um - 8/11/2015

Oleh KAMIL MASLIH

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 7 Nov. - Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada barisan kepemimpinan baharu MIC yang diumumkan dalam pemilihan semula parti berkenaan bagi penggal 2013-2016, semalam.

Menurut Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), pujian juga diberikan kepada MIC kerana melangsungkan pemilihan semula parti di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, dalam suasana tenteram tanpa sebarang pertikaian terhadap keputusan pemilihan.

"Saya menghadiri Perhimpunan Agung Malaysian Indian Congress (MIC) 2015 semalam, selepas pemilihan semula parti MIC. Tahniah kepada kepemimpinan baharu.

"Penyertaan dalam MIC kini semakin membesar dan parti MIC kini harus mencerminkan aspirasi dan kehendak masyarakat India secara keseluruhan," katanya dalam satu kenyataan di laman Facebook miliknya hari ini.

Semalam, Presiden MIC, Datuk

Seri Dr. S. Subramaniam selaku Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Semula Parti mengumumkan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak, Datuk Seri SK Devamany sebagai Timbalan Presiden MIC bagi penggal 2013-2016.

Kedudukan Naib Presiden pula dimenangi Datuk S. A. Vigneswaran, Datuk T. Mohan serta Datuk Jaspal Singh manakala Timbalan Menteri Pendidikan, P. Kamilanathan muncul calon yang menerima undi tertinggi bagi Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC).

Jelas Najib, beliau juga berharap kepemimpinan baharu MIC akan mengalu-alukan kehadiran calon-calon yang kalah ke dalam parti itu.

"Jangan tolak mereka yang kalah hanya kerana mereka tidak masuk dalam kem kita atau kasta kita. Kita mesti menerima mereka kerana kita mahu memandangkan ke hadapan dan mereka ini adalah pemimpin masyarakat India," katanya.

Menurut beliau, golongan berkenaan tetap berperanan dalam membantu MIC dan BN untuk memenangi pilihan raya umum.